

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld.2 (35)

1 Mac 2023
8 Syaaban 1444

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 11 /2023

Semua Staf Akademik
Universiti Teknologi Malaysia

PERMOHONAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa, permohonan bagi jawatan **Timbalan Naib Cansolor (Akademik dan Antarabangsa)** Gred Utama B (VU6) Terbuka di Universiti Teknologi Malaysia adalah dibuka untuk permohonan.

2. Sebagai makluman, proses pemilihan akan dilaksanakan secara terbuka bagi membolehkan semua staf Universiti berkeelayakan yang berminat mengemukakan permohonan. Kriteria jawatan adalah seperti di Lampiran A.

3. Sehubungan dengan itu, semua staf yang layak boleh mengemukakan permohonan masing-masing untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut dengan menyertakan dokumen berikut:

- i) *Curriculum Vitae* yang lengkap dan terkini (Format pdf);
- ii) Borang Permohonan Jawatan (Calon Dalam) (Format Microsoft Word)

Borang dan templat dokumen (ii-iii) boleh dimuat turun daripada link <https://registrar.utm.my/bsm/career-utm/>.

4. Semua permohonan perlu dihantar sebelum atau pada **10 Mac 2023 (Jumaat)** ke emel noerwati@utm.my. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, sila hubungi Bahagian Sumber Manusia seperti berikut:

- i) Encik Azri bin Hohad (Tel: 07-5530297/018-2380806 atau emel: azri@utm.my)
- ii) Puan Noerwati binti Dolhaji (Tel:07-5531189/013-6526767 emel: noerwati@utm.my)

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)
Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor, Kampus UTM Kuala Lumpur
 - Pengarah, UTM Kampus Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan /Pengarah

**KRITERIA JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**

Kriteria Umum:-

- i) Kecemerlangan Akademik**
Penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan dan perundingan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.
- ii) Pengiktirafan Antarabangsa**
Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.
- iii) Kebolehan Memimpin dan Mengurus**
Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.
- iv) Reputasi**
Menjadi "*role model*" kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan (*proven track record*) serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.
- v) Personaliti**
Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti, calon juga mestilah memahami aspirasi negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.
- vi) Lain-lain kriteria yang difikirkan sesuai oleh Universiti.**

Kompetensi Fungsian:

- i) Melaksanakan Pelan Strategik IPT selaras dengan objektif Transformasi KPT**
Calon bertanggungjawab dalam agenda kritikal pengajaran dan pembelajaran dan mestilah mahir mengendalikan kurikulum yang seimbang dan bersepadu khususnya dalam bidang pengajian tinggi.

a) Pembangunan Kurikulum

Calon hendaklah berpengalaman dalam pembentukan kurikulum (*Curriculum Design*). Calon bertanggungjawab membimbing organisasi dalam penambahbaikan kurikulum secara sistematik untuk mencapai pengiktirafan oleh badan dan agensi berkaitan. Calon berupaya mentadbir pelaksanaan aktiviti pembangunan kurikulum secara berterusan dan sistematik dalam organisasi bagi memenuhi piawai kelayakan program. Calon juga berupaya mencipta kurikulum selari dengan piawai yang ditetapkan oleh badan dan agensi pengiktirafan bagi mencapai kualiti yang ditetapkan. Membudayakan amalan kreatif dan inovatif dalam pembangunan kurikulum untuk mewujudkan program yang *versatile* dan mencapai pengiktirafan yang ditetapkan.

b) Pentaksiran Pembelajaran

Calon hendaklah berupaya membimbing organisasi dalam penambahbaikan dan mentadbir proses pelaksanaan pentaksiran secara berterusan untuk mencapai hasil pembelajaran program. Berpengalaman mencipta kaedah pentaksiran pembelajaran secara formatif dan sumatif secara berterusan untuk memenuhi piawaian pembelajaran

c) Teknologi Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)

Calon perlu berpengalaman dalam menterjemah ko-kurikulum berkredit kepada program memperkasakan mahasiswa serta berupaya memberi kesedaran, dorongan dan galakan kepada mahasiswa untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti ko-kurikulum dalam usaha melahirkan mahasiswa yang seimbang dari segi jasmani, emosi dan intelek.

ii) Mengenalpasti bidang kritikal untuk kejayaan IPT

Calon perlu mempunyai pengetahuan dan berpengalaman dalam inovasi pengajaran dan pembelajaran (*Teaching and Learning*). Calon perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai aspek-aspek Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (PBL), Pendekatan Berasaskan Projek Berorientasikan Masalah (POPBL), Pembelajaran Sepanjang Hayat (LL), Penaksiran dan *Outcome Based Education*.

Calon mestilah mempamerkan kewibawaan dalam menerajui kepimpinan melaksanakan kajian *niche area* dari semasa ke semasa bidang-bidang akademik yang kritikal yang relevan untuk kelestarian kecemerlangan IPT dan juga pasaran graduan.

iii) Pembangunan Bakat Akademik

Berkebolehan merancang, melaksana dan menilai pembangunan bakat yang sistematik yang menyeluruh bagi memacu kecemerlangan Universiti. Mereka bentuk pendekatan baharu program pembangunan bakat bagi menghasilkan kualiti staf yang disasarkan. Membudayakan pengurusan pembangunan bakat yang cemerlang untuk melahirkan staf yang holistik.

iv) Hal Ehwal Antarabangsa

Calon bertanggungjawab untuk mempromosikan program akademik dan mobiliti pelajar di peringkat antarabangsa. Calon mestilah mempunyai hubungan yang luas dan reputasi yang baik di peringkat serantau dan antarabangsa.

Kompetensi Kepimpinan:

- i) Jaringan dan Kolaborasi Strategik**
Kebolehan membangun, mengekal dan mengukuhkan jaringan dan kolaborasi menang-menang dengan rakan strategik mengikut pelan strategik jangka panjang untuk meningkatkan keterlihatan dan kredibiliti/pengiktirafan Universiti.

- ii) Perancangan Strategik**
Kebolehan untuk membangun, melaksanakan dan menilai hasil pelaksanaan pelan jangka panjang mengikut pelan strategik jangka panjang yang ditetapkan bagi merealisasikan visi dan misi Universiti.

- iii) Meneraju Perubahan**
Kebolehan untuk menjangka, menerima dan memandu perubahan yang berterusan dan kekal relevan bagi mengekalkan daya saing dan kecemerlangan Universiti.

- iv) Pengurusan dan Pembangunan Organisasi**
Kebolehan memahami dan menilai aspek-aspek yang menyumbang kepada kecemerlangan organisasi berasaskan standard sistem pengurusan kualiti bagi meningkatkan daya saing Universiti.

- vii) Kemahiran Membuat Keputusan**
Kebolehan memahami, merancang, melaksana dan menganalisis kaedah dan pendekatan yang berkesan, tepat dan berkualiti bagi menghasilkan keputusan terbaik untuk mencapai kecemerlangan organisasi.